49

MAKLUMAN BERKAITAN TABUNG KEBAJIKAN STAF UUM
Jabatan Pendaftar

Telah Dihantar: 31 Januari 2011 15:28
Kepada: UUM - All Staff
Lampiran-lampiran: Borang permohonan PKGSK baru.doc (296 KB) [Buka sebagai Halaman Web];

31 JANUARI 2011
26 SAFAR 1432H

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

HEBAHAN PENDAFTAR 31 JANUARI 2011 :
MAKLUMAN BERKAITAN TABUNG KEBAJIKAN STAF UUM

Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan

Bagi memantapkan lagi pengurusan kebajikan staf di Universiti Utara Malaysia dan atas permintaan staf, berikut dimaklumkan sekali lagi berkenaan Tabung Kebajikan Staf UUM untuk perhatian dan tindakan Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan.

TABUNG KEBAJIKAN STAF UUM

1.0 TUJUAN

Tabung ini bertujuan untuk memberikan sumbangan berbentuk kewangan bagi membantu staf Universiti ini dalam konteks kebajikan mengikut peruntukan Skim.

2.0 JENIS SUMBANGAN

Jenis sumbangan yang diberikan adalah untuk perkara-perkara seperti berikut :

1. **Kematian Staf/Ibu/Bapa/Isteri/Anak**
2. **Perkahwinan**
3. **Bersalin**
4. **Bayaran Balik 50% pembelian baju batik Universiti**
5. **Penyakit/Kemalangan yang serius/Alat sokongan/Kecacatan**
6. **Bencana Alam/Musibah Lain**
7. **Sumbangan Persekolahan**
8. **Sumbangan Pendidikan Kemasukan Ke IPT**
9. **Sumbangan Kepada Anak-anak Yatim**

3.0 SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

Semua permohonan adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan di dalam Skim Tabung Kebajikan Staf UUM yang berkuatkuasa pada 6 Ogos 2009.

4.0 TEMPOH TUNTUTAN

Semua tuntutan hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh sesuatu kejadian/tawaran/aktiviti. Permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

5.0 BORANG PERMOHONAN

Semua tuntutan hendaklah dikemukakan dengan mengisi borang permohonan seperti yang dilampirkan kepada pegawai Unit Perkhidmatan iaitu :

1. En. Jafri Ishak
   Penolong Pendaftar
   Unit Perkhidmatan (Kebajikan Staf)
   Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
   Universiti Utara Malaysia
   Tel : 04-9283034
   Fax : 04-9283046
   H/P : 012-4629940
   Emel : jafri@uum.edu.my

   atau

2. Pn. Fazilah Ismail
   Penolong Pegawai Tadbir
   Unit Perkhidmatan (Kebajikan Staf)
   Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
   Universiti Utara Malaysia
   Tel : 04-9283037
   Fax : 04-9283046
   H/P : 019-5154140
   Emel : ilah@uum.edu.my

Segala kerjasama dan perhatian daripada Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara tersebut amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

JABATAN PENDAFTAR
Universiti Utara Malaysia
Tel : 04-9283021/3043
Fax : 04-9283046
e-mail : *pendaftar@uum.edu.my*